

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,
PENGGAL KETIGA, DEWAN RAKYAT KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah usahawan yang menyertai kursus keusahawanan sepanjang tempoh wabak COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Bagi memastikan agenda pembangunan latihan keusahawanan terus dilaksanakan semasa ancaman penularan wabak COVID-19, Kementerian telah memanfaatkan penggunaan teknologi digital dan melaksanakan norma-norma baharu dalam latihan keusahawanan kepada usahawan dalam perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta koperasi untuk meneruskan kelangsungan perniagaan masing-masing.
2. Semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu yang melibatkan PKP Fasa 1 hingga Fasa 6, PKP Bersyarat (PKPB) 1 dan PKP Pemulihan (PKPP) serta terkini PKP Bersyarat (PKPB), Kementerian melalui Agensi di bawahnya telah melaksanakan latihan secara atas talian yang memberi manfaat kepada 617,643 usahawan dan koperasi tempatan.
3. Antara latihan keusahawanan yang dilaksanakan secara atas talian sepanjang tempoh PKP oleh agensi-agensi di bawah MEDAC adalah:

- (i) INSKEN BizLive
 - (ii) INSKEN *Business Coaching & Business Enhancement* oleh INSKEN;
 - (iii) INSKEN *Women Champion* oleh INSKEN;
 - (iv) INSKEN *Documentation Review and Coaching* oleh INSKEN;
 - (v) Sesi *Town Hall* oleh INSKEN;
 - (vi) INSKEN *Masterclass* oleh INSKEN;
 - (vii) Kursus Asas Keusahawanan (KAK) oleh TEKUN dengan kerjasama INSKEN;
 - (viii) Program *Woman Netpreneur* oleh SME Corp;
 - (ix) Program TUBE 7.0 oleh SME Corp;
 - (x) Program Micro Connector oleh SME Corp;
 - (xi) *Design A Better Business* oleh *Centre of Entrepreneur Development & Research* (CEDAR), SME Bank;
 - (xii) *Virtual Class* oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNS);
 - (xiii) Program *Mentoring and Coaching* oleh Institut Koperasi Malaysia (IKM); dan
 - (xiv) Program Khidmat Nasihat dan Bimbingan Koperasi oleh IKM.
4. Selain itu, PNS melalui Franchise Institu te telahberjaya mengendalikan 40 program latihan yang memanfaatkan seramai 4,407 peserta.
5. Kementerian komited untuk terus membantu usahawan mikro, kecil dan sederhana serta koperasi tempatan dengan cara mengadaptasi kebiasaan baharu (*new normal*), dimana latihan keusahawanan akan dijalankan melalui pelbagai medium dan platform, sama ada melalui atas talian atau secara fizikal.

Sekian, terima kasih.